

Headline	Eksport Musang King capai RM50 juta		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	19 Feb 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	8	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	101 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 994
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,983



Eksport Musang King capai RM50 juta

KUALA LUMPUR - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasarkankan nilai eksport durian Musang King ke China tahun ini sebanyak RM50 juta walaupun wujud kebimbangan ia terjejas berikutan penularan koronavirus 2019 (Covid-19) di negara itu.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata nilai eksport durian itu pada tahun lalu RM30 juta dan berharap Covid-19 di republik itu akan berakhir tidak lama lagi.

"Kita popular dengan durian Musang King yang dieksport. (Pada masa ini) berlaku Covid-19, dan ia bukan pada musim Musang King (berbuah). Oleh itu, ia tidak memberi kesan (kepada eksport ke China).

"Saya yakin dan percaya peningkatan permintaan terhadap Musang King adalah luar biasa dan harga di sana juga amat menarik jika dibandingkan di sini antara RM40 dan RM90 sekilogram. Di sana, ia boleh dijual antara RM200 dan RM400 sekilogram," katanya selepas melancarkan My Best Buy FAMA @ Le Tour De Langkawi di sini pada 9 Februari lalu. – BERNAMA